



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 3 () 04/05

**PENYIARAN LAPORAN SIASATAN 16 PROJEK *LAND SWAP*
KEMENTERIAN PERTAHANAN**

Seperti sedia maklum bahawa YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu telahpun membentangkan Laporan Siasatan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) berkenaan 16 projek *Land Swap* tanah-tanah Kementerian Pertahanan, di Dewan Negara pada 9 Mei 2019 lalu.

Pada sidang media selepas itu, YB Menteri juga telah mengumumkan bahawa laporan siasatan penuh kesemua 16 projek tersebut akan disiarkan kepada umum secara berperingkat di portal rasmi Kementerian.

Sehubungan itu, Kementerian Pertahanan ingin memaklumkan bahawa laporan siasatan setiap projek tersebut akan disiarkan mengikut jadual seperti di **LAMPIRAN**

Kementerian Pertahanan mengambil serius berhubung penemuan, teguran dan syor yang telah dikemukakan oleh jawatankuasa siasatan ini.

Untuk makluman, Kementerian juga telah membuat dua laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) supaya melakukan siasatan terperinci seterusnya mengambil tindakan lanjut.

Laporan Jawatankuasa Siasatan ini memberi kesan besar kepada Kementerian Pertahanan khususnya kepada semua pihak yang terlibat dalam menguruskan projek *land swap* agar sentiasa berhati-hati dan tidak terlibat dalam sebarang penyalahgunaan kuasa serta rasuah sehingga menyebabkan kegagalan projek sekaligus merugikan kerajaan.

-TAMAT-

"PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

Kementerian Pertahanan Malaysia
14 Mei 2019

**JADUAL PENYIARAN LAPORAN SIASATAN JAWATANKUASA SIASATAN
TADBIR URUS, PEROLEHAN DAN KEWANGAN KERAJAAN
(JKSTUPKK) BERKENAAN LAND SWAP**

No	Tajuk Siasatan	Tarikh
1.	Laporan Kem Hutan Melintang	13 Mei 2019 (Isnin)
2.	Laporan Kem Batu Kentonmen	
3.	Laporan Kem Paloh / Kinrara	
4.	Laporan Kem Sungai Buloh	14 Mei 2019 (Selasa)
5.	Laporan Kem Sungai Besi	
6.	Laporan Kem Batu Pahat	
7.	Laporan Kem Transit Kem Wataniah 502 AW	15 Mei 2019 (Rabu)
8.	Laporan Kem Terendak Kem Sg Putat Melaka	
9.	Laporan PUSPAHANAS	
10.	Laporan Kem Brinchang	16 Mei 2019 (Khamis)
11.	Laporan Kompleks 7 Briged Skudai	
12.	Laporan Kompleks Markas 2 Divisyen Bayan Lepas	
13.	Laporan Kompleks Markas Divisyen 1 Muara Tuang	17 Mei 2019 (Jumaat)
14.	Laporan Depot Peluru 71 Batalion Ordnan Divisyen	
15.	Laporan Pembangunan Fasiliti Kem Muara Tuang dan Penrissen	
16.	Laporan Fasiliti Skuadron 323	